



## PANDUAN IDENTITI KORPORAT

Oleh : Bimazlim Bidin

### PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 2 TAHUN 2010 – PANDUAN PENYEDIAAN PAKAIAN KORPORAT UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (PAKAIAN AKTIVITI DAN RIADAH)

Identiti korporat amat perlu kepada UniMAP untuk kegunaan/aplikasi dalam pelbagai bentuk aktiviti termasuk promosi, penyiaran, publisiti, percetakan dan penerbitan. UniMAP memerlukan penyebaran maklumat yang meluas tentang kewujudannya di utara tanah air.

Garis panduan ini harus digunakan oleh semua agensi luar atau dalam yang terlibat sebarang urusan atau kerja-kerja yang berkaitan dengan penggunaan identiti UniMAP agar imejnya sentiasa terpelihara.

#### LATAR BELAKANG

- Jawatankuasa Pengurusan Universiti melalui Mesyuarat Ke-61 pada 22 April 2009 telah meluluskan satu dasar penyediaan pakaian korporat untuk semua staf di UniMAP.
- Dasar penyediaan pakaian ini perlu dipatuhi oleh semua pihak di Universiti ini bagi penyediaan pakaian untuk mana-mana majlis atau aktiviti.

#### TAFSIRAN

- Staf bermaksud seseorang yang dilantik untuk berkhidmat dengan Universiti sama ada dilantik secara tetap, kontrak, sementara dan/atau sambilan untuk memegang jawatan dalam kumpulan Pengurusan Tertinggi, Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Sokongan.
- Pakaian korporat merangkumi baju-T, baju F1, track suite, topi, tudung dan tag.

### PANDUAN PENYEDIAAN PAKAIAN KORPORAT

#### 1. PENYEDIAAN JAKET



#### SPESIFIKASI :

- Kedudukan logo dan logotaip pada atas dada di sebelah kiri dan nama pada sebelah kanan jaket dengan jahitan sulaman.
- Saiz logo UniMAP – 5cm x 11cm
- Warna Jaket – Biru Gelap

\*Panduan jahitan Sulam Logo UniMAP – Warna hitam di tukar kepada warna Silver (perak)

#### SPESIFIKASI :

- Baju berdasarkan warna Biru dan Kuning atau Kuning dan Biru.
- Piping berwarna grey atau silver dibuat pada leher baju berhampiran bahagian butang serta pada bahagian sambungan wama Biru dan Kuning.
- Logo UniMAP – Jahitan Sulaman (5cm x 11cm) terletak di bahagian dada sebelah kanan.
- Alamat laman web university – Jahitan Sulaman www.unimap.edu.my (1cm x 11cm) terletak di bahagian atas bahu dengan jarak 0.5 inci daripada jahitan atas bahu dan dibaca pada sebelah belakang.
- Sebarang penanda lain pada baju hendaklah diletak di bahagian atas dada di sebelah kiri hadapan baju.
- Rekaan (design) Baju – T ini adalah sebagaimana gambar dan tidak boleh diubahsuai oleh mana-mana pihak.
- Bagi baju lelaki berlengan pendek dan wanita berlengan tiga siku (bawah siku).
- Logotaip UniMAP terletak pada bahagian paha di sebelah kiri dan kanan seluar (Track Suite).

#### PENYEDIAAN TOPI DAN TUDUNG



#### SPESIFIKASI :

- Topi berdasarkan warna Biru dan Kuning atau Kuning dan Biru.
- Piping berwarna silver atau grey antara bahagian sambungan Biru dan Kuning.
- Logo UniMAP terletak di bahagian tengah hadapan topi.
- Laman web university terletak di bahagian tepi pada visor topi.
- Tudung berwarna biru gelap dan tidak perlu sebarang penanda khas.

#### Tanda Nama (Name Tag)



#### SPESIFIKASI :

- Saiz : 24 mm x 75 mm
- Jenis material : Metal
- Logo & Logotaip : Size : 18 mm x 20.713 mm
- Latar belakang : Warna Silver
- Nama : Font Size : ikut kesesuaian nama ringkas
- Font : Arial Narrow
- Warna : Silver
- Latar Belakang : Warna Hitam
- Keseluruhan tanda nama diletakkan epoksi "epoxy"